

Tentera Badar memang wujud: Mahathir

Tentera Badar memang wujud: PM

DARI MUKA 1

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan mempunyai bukti berhubung pembabitkan kumpulan al-Arqam dalam kegiatan bersifat militan yang mampu mengugut keselamatan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan mempunyai maklumat berhubung perkara itu termasuk gambar sekumpulan ahli al-Arqam berjubah sedang berkawad, dipercayai di sebuah wilayah di Thailand.

Sehubungan itu, katanya, tindakan itu menggambarkan hasrat kumpulan al-Arqam menubuhkan pasukan tentera yang dikatakan tentera Badar seperti didedahkan oleh Pusat Islam sebelum ini.

"Bagaimanapun, tindakan kerajaan terhadap kumpulan dan beberapa pemimpin kanan al-Arqam sebenarnya berasaskan penyelewengan yang disampaikan dalam ajaran mereka.

"Ini termasuk dakwaan ketuanya, Asaari Mohammad mempunyai sifat ketuhanan dan mengaku pernah berjumpa dan berdialog dengan Rasulullah saw dalam keadaan jaga (yaqazah).

"Ahli al-Arqam juga didapati enggan mematuhi peraturan apabila tidak mendaftarkan perkahwinan ahlinya dan bercerai tanpa mengambil berat soal edah malah ada kes edah belum selesai tetapi berkahwin lagi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti itu di sini, hari ini.

Perdana Menteri kemudian menunjukkan kepada pemberita gambar kumpulan al-Arqam yang dipercayai sedang berkawad. Gambar itu disiarkan di muka depan akhbar Thailand, *Islamic Guidance Post*.

Minggu lalu, ketua kumpulan al-Arqam, Asaari Muhammad, ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selepas pihak berkuasa Thailand mengarahkannya meninggalkan negara itu.

Mengenai dakwaan al-Arqam memeralatkan wanita, Dr Mahathir berkata, kerajaan mempunyai bukti dan maklumat termasuk seorang pengikut al-Arqam (wanita) rakyat Perancis yang kini terpaksa dihantar ke Hospital Bahagia.

"Wanita Perancis itu memeluk Islam dan menyertai al-Arqam. Kemudian, dia dikatakan kahwin dan bercerai berkali-kali sehingga akhirnya hilang akal dan dihantar ke hospital itu," katanya.

Perdana Menteri turut mempertikakan tindakan Asaari menggunakan pelbagai gelaran seperti Abuya dan At Tamimi di samping mendakwa dirinya keturunan Bani Tamim.

"Saya tidak pasti bagaimana dia bo-

leh mengetahui keturunannya sehingga begitu jauh sekali. Sudah tentu ia mempunyai tujuan lain demi kepentingan tertentu," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan bertanggungjawab mendedahkan penyelewengan dalam al-Arqam sebelum lebih ramai umat Islam terpedaya.

"Kita juga mesti mengawal sebelum ia menjadi masalah keselamatan. "Malah, ada tanda-tanda orang yang berpelajaran pun mulai menerima kumpulan ini. Ini lagi berbahaya," katanya.

Mengenai tindakan al-Arqam mengemukakan saman, Perdana Menteri berkata, terpulang kepada undang-undang menentukan sama tindakan kerajaan betul atau tidak.

"Sebagai rakyat Malaysia dia berhak berbuat demikian mengikut undang-undang," katanya.